

## SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PELAJAR BAHRU

### 1. Adakah kemudahan asrama disediakan?

Ya. Semua pelajar semester 1 diwajibkan tinggal di asrama. Kemudahan asrama pada semester berikutnya adalah tertakluk kepada kekosongan asrama, tahap disiplin pelajar dan syarat yang ditetapkan oleh pihak kolej serta penglibatan pelajar dalam aktiviti dan program kolej.

### 2. Waktu keluar/masuk (outing)

Sekiranya pelajar outing selepas waktu kuliah (Isnin – Jumaat), pelajar perlu berada di kolej sebelum jam 7.00 malam. Pada hari Sabtu, Ahad dan cuti kelepasan am negeri/persekutuan, pelajar perlu berada di kolej sebelum jam 8.30 malam.

### 3. Adakah makan minum pelajar disediakan oleh pihak kolej?

Tidak. Walau bagaimanapun terdapat kemudahan kafetaria disediakan di dalam kolej.

### 4. Apakah kemudahan lain yang disediakan untuk pelajar?

Surau, akses internet di perpustakaan, makmal komputer, gelanggang permainan, padang bola, studio, kedai koperasi, perkhidmatan dobi layan diri, perkhidmatan printing dan photocopy, mesin penapis air dan vending machine.

### 5. Jika pelajar sakit, adakah kemudahan disediakan untuk ke klinik terdekat?

Ya, perkhidmatan van kolej akan membawa pelajar ke klinik pada jam 8.30 pagi dan 2.30 petang (setiap hari Isnin-Jumaat). Pada waktu malam dan pada hari Sabtu - Ahad, pelajar perlu maklum kepada felo bertugas untuk ke klinik.

### 6. Adakah pelajar baru boleh membawa kenderaan sendiri?

Boleh. Namun begitu, perlu mendapat kelulusan daripada pihak kolej terlebih dahulu.

### 7. Berapakah tempoh masa pengajian di sini?

Tempoh pengajian bagi semua program adalah 2 tahun dan 6 bulan (termasuk 6 bulan Latihan Industri) kecuali program Diploma in Accounting iaitu selama 2 tahun (tiada Latihan Industri).

### 8. Adakah diploma di sini diiktiraf oleh Malaysia Qualification Agency (MQA)?

Ya, semua diploma di kolej ini telah mendapat pengiktirafan penuh (FA) daripada MQA.

### 9. Siapakah yang boleh dihubungi oleh ibu bapa untuk bertanya tentang perkembangan pengajian anak mereka di kolej ini?

Mentor, pensyarah subjek dan Ketua Jabatan.

### 10. Ke manakah hala tuju pelajar selepas tamat pengajian?

Pelajar boleh memohon pekerjaan di sektor awam dan swasta dan juga boleh menyambung pengajian ke IPTA dan IPTS di dalam negara dan universiti di luar negara. Selain itu, pembelajaran di kolej ini juga amat menitikberatkan elemen keusahawanan dan menggalakkan pelajar untuk menjadi usahawan setelah tamat pengajian kelak.



## TENTATIF

9.45 pagi	Ketibaan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik Diringi oleh TPHES, TPKP, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit dan Kaunselor Nyanyian lagu Negaraku dan Malaysia Bersih Bacaan Doa
10.00 pagi	Taklimat Pengarah Sesi Soal-jawab
12.00 tgħari	Majlis Berakhir & Bersurai (Pelajar dibenarkan keluar bersama ibubapa/penjaga)
4.00 petang	Persediaan pelajar untuk sesi taklimat MHS
5.00 petang	Taklimat Minggu Haluan Siswa (MHS)

## KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA

Jalan Sg. Lembing, 25200 Kuantan, PAHANG.

No Tel : 09-573 6304


No Faks : 09-573 6423

Laman Web : [www.kpmm.edu.my](http://www.kpmm.edu.my)



## CATATAN

### PELAN DEWAN DAN ALIRAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU



Untuk maklumat lanjut  
berkenaan Minggu Haluan  
Siswa sesi Jan-Mei 2020,  
sila scan kod QR di bawah:

